# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 13 MAC 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | BIMBANG DENGAN KARTEL INDUSTRI BERAS, FORUM, UM -19<br>JANGAN SAMPAI PESAWAH TAWAR HATI, DALAM NEGERI, UM -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3.<br>4.<br>5. | EMPAT NELAYAN WARGA ASING DITANGKAP, LOKAL, HM -7<br>'KAMI JUMPA BANYAK IKAN MATI', NEGERI PERAK, SH -26<br>BERMULA SECARA 'SAJA-SAJA', LOKAL, HM -11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6.<br><br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br>11.<br>12. | PENIAGA JUAL IKAN SELAYANG 70 SEN SIKOLGRAM, NEGERI KELANTAN, SH -26<br>PSI: NELAYAN DAKWA TERPAKSA CARI HASIL LAUT SEHINGGA 20 KILOMETER, NEGERI P.PINANG, SH -26<br>EL-NINO: 30 PERATUS BUAH HARUMANIS GUGUR, DALAM NEGERI, UM -31<br>SISTEM TAGAL TINGKATKAN STOK IKAN SUNGAI, MAJUKAN EKOPELANCONGAN, RENCANA, BH -12<br>BEKALAN SAYUR BAKAL TERJEJAS 40 PERATUS, MUKA DEPAN, BH -1<br>PENGELUARAN HASIL SAYUR TERJEJAS 40 PERATUS, NASIONAL, BH -5<br>SISTEM AKUAPONIK BANTU GOLONGAN PERGERAKAN TERBATAS BERKEBUN, K2, KOSMO -30 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |



KITA tidak mahu pihak tertentu mengaut keuntungan dan rakyat terus terhimpit akibat manipulasi harga pihak tertentu. – UTUSAN/SADDAM YUSOFF

# Bimbang dengan kartel industri beras

**SAUDARA PENGARANG,**

**SAYA** bersetuju dengan Pengerusi Majlis Sara Hidup Negara ( NACCOL) bahawa kesukaran menemui beras tempatan angkara kartel dalam industri beras. Dapat dilihat kenaikan dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam, telur serta gula ada persamaan dengan masalah beras yang berkemungkinan berpunca akibat permainan pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

Mereka boleh dikatakan berkemampuan dan telah menguasai industri makanan ini dan sekarang mereka berkuasa dalam menentukan bekalan, menentukan turun naik harga dan juga boleh jadi menyorok barangan keperluan dapur rakyat ini.

Ini termasuk menjadikan beras tempatan sebagai beras import, mencampur beras tempatan dengan beras import kemudian menukar label menjadi beras import. Saya perhatikan di kedai ada menjual sedikit beras tempatan berbanding beras import.

Apabila beras tempatan habis, pembeli sudah tentu terpaksa membeli beras import yang sekali ganda mahal dan sudah tentu membebankan pengguna. Pekedai menjual semua beras import dan apabila ditanya beras tempatan, belum sampai dan tiada stok. Pihak pekedai juga kemungkinan bersubahat dengan pemborong dan pembekal untuk melakukan permainan harga sama ada menyorok beras atau mahukan keuntungan berganda.

Pihak yang terlibat secara langsung dengan industri makanan negara perlulah kembali kepada pengusaha kilang beras dan pemborong beras yang sudah tentu mempunyai maklumat penjualan beras tempatan ini.

Kita tidak mahu pihak tertentu mengaut keuntungan dan rakyat terus terhimpit akibat manipulasi harga pihak tertentu. Tidak ada gunanya bermacam-macam tindakan untuk menyelesaikan isu beras jikalau beras tempatan untuk golongan kurang berkemampuan tidak dapat ditangani.

Sampai bila isu bangau oh bangau dan saling menunding jari mencari kesalahan orang lain ini dapat diselesaikan dan ditamatkan secepat mungkin. Kita tidak mahu kerajaan ditertawakan oleh kartel kerana kegagalan kerajaan menangani kelicikan mereka memanipulasikan bekalan beras negara.

**BERAS HANCUR**
Temerloh, Pahang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# *Jangan sampai pesawah tawar hati*

SATU laporan dari Indonesia kelmarin menyebut, rakyat negara itu terpaksa beratur panjang untuk membeli beras, gula dan minyak masak bersubsidi berikutan kenaikan harga barangan itu menjelang Ramadan.

Laporan itu juga menyebut, beras bersubsidi dijual pada harga 11,900 rupiah (RM3.60) sekilogram berbanding 14,000 rupiah (RM4.20) sekilogram di pasaran terbuka. Setiap penduduk dihadkan satu beg beras, satu liter minyak masak dan satu kilogram gula sahaja.

Situasi itu menunjukkan peningkatan harga makanan asas bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara lain. Kita bernasib baik kerana harga makanan asas lebih terkawal, malah dijual di merata tempat sehingga warga asing pun boleh membelinya.

Cuma, masalah di Malaysia hari ini ialah misteri kehilangan beras putih tempatan atau *super special* tempatan (SST). Sudah setahun masalah itu berlarutan tanpa ada satu tindakan yang benar-benar berkesan. Tinjauan di pasar raya semalam memang tidak menemukan langsung beras tempatan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara diarah menyelesaikan isu tersebut dan diberikan tempoh sehingga 20 Mac ini untuk mencari kaedah penyelesaian terbaik.

Justeru, jika kerajaan mengumumkan kenaikan harga beras putih tempatan tidak lama lagi sebagai antara jalan keluar kepada misteri ketiadaan beras tempatan di pasaran sejak setahun lalu, diharapkan rakyat boleh terima keputusan itu dan tidak dipolitikkan.

Persoalannya ialah berapa harga yang sesuai? Pesawah mengharapkan RM35 sekampit 10 sekilogram manakala Pasukan Petugas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara mencadangkan RM30. Yang pasti RM26 tidak mampu menampung kos pengeluaran padi.

Kalau kita melihat proses penghasilan beras bermula dari peringkat benih sehingga ke rumah kita, rakyat Malaysia patut bersyukur kerana dapat membeli bahan makanan itu pada harga yang sangat berpatutan.

Kita tidak perlu membanting tulang dan berjemur dalam terik mentari sepanjang tahun. Boleh tidur lena kerana tidak perlu risau benih yang ditanam akan hidup subur atau sebaliknya. Tidak perlu risau musim kemarau atau sawah tenggelam jika hujan lebat dan tidak ambil peduli serangan burung dan penyakit.

Yang kita tahu, pergi kedai, ambil beras dan bayar. Semudah itu.

Diharapkan kenaikan harga itu bukan sahaja akan menyelesaikan misteri kekurangan bekalan beras tempatan tetapi juga membantu pesawah meraih pendapatan yang lebih baik dan dapat hidup dengan lebih selesa.

Golongan pesawah ini adalah antara kelompok masyarakat yang miskin. Mereka ini wajib dibantu supaya mereka boleh mengekalkan aktiviti penanaman beras mereka dan menjamin keselamatan makanan negara.

Sekiranya pesawah-pesawah ini merasa mereka tidak dihargai atau merasakan penat lelah mereka tidak setimpal dengan pendapatan, mereka mungkin tawar hati dan tidak lagi mahu menanam padi. Jika itu berlaku, bersiap sedialah dengan harga beras yang lebih tinggi.

**Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |

# Empat nelayan warga asing ditangkap

**Shah Alam:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor menahan sebuah bot nelayan bersama empat lelaki warga asing yang dikesan melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa kebenaran di sekitar perairan Pulau Ketam, kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Selangor, Kapten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata bot nelayan tempatan kelas C itu dikesan ketika melakukan aktiviti perikanan menggunakan pukat tunda di 17.5 batu nautika barat laut Pulau Ketam pada jam 7 malam menerusi Op Ehsan dan Op Tiris 3.0.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot itu dikendalikan empat kru termasuk tekong warga Myanmar yang berusia 26 hingga 39 tahun dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.







MARITIM Malaysia menahan bot nelayan asing di perairan Pulau Ketam.

"Kesemua warga asing dan bot dibawa ke jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut," menurutnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan warga asing di atas kapal menangkap ikan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana menggaji kru warga asing tanpa permit sah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/3/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI | 26 |

# 'Kami jumpa banyak ikan mati'

## Tular video sekumpulan lelaki disyaki terlibat kegiatan bom ikan

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
GERIK

AJENYE YE!

Sekumpulan lelaki dipercayai terbabit dalam kegiatan mengebom ikan apabila beberapa bangkai hidupan itu ditemui berdekatan sungai di sekitar kawasan hutan, di sini pada Jumaat.

Pemancing, Rospaizal Ismail, 42, berkata, pada awalnya, dia bersama lapan orang rakannya datang ke kawasan hutan itu untuk memancing dan beriadah.

Bagaimanapun ujarnya, mereka tidak mendapat hasil sebaliknya menemui bangkai beberapa ekor ikan kelah yang terdampar di atas batu berdekatan sungai.

"Selalunya kami memancing di situ mesti dapat ikan tetapi hari kejadian tidak ada langsung, jadi kami naik ke kawasan atas sedikit dan kami jumpa banyak ikan yang baru mati kerana matanya masih jernih.

"Tidak lama selepas kami pulang, saya menerima satu video di WhatsApp yang memaparkan sekumpulan lelaki sedang berseronok dengan hasil tangkapan di tempat saya memancing dan saya syak mereka menggunakan bom.

"Disebabkan rasa marah, saya terus memuat naik video tersebut di Facebook," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum itu, tular rakaman video berdurasi 22 saat memaparkan sekumpulan lelaki yang menaiki kenderaan pacuan empat roda (4x4) menunjukkan hasil tangkapan ikan seperti kelah, tengas dan lampam.

Video tersebut telah mendapat kecaman warganet yang tidak berpuas hati dengan tindakan lelaki terbabit kerana mendakwa perbuatan itu akan merosakkan ekosistem sungai.

Tambah Rospaizal, dia telah menerima beberapa panggilan dan WhatsApp daripada pemilik video berkenaan supaya memadamnya dengan alasan ia hanya satu salah faham.

"Susulan itu saya telah membuat laporan untuk melindungi diri di Balai Polis Kulim Hi-Tech Park, Kedah pada petang Ahad.

"Kawan-kawan saya juga ada buat laporan polis di Gerik dan kami juga melaporkan isu ini di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

Berikutan itu, DOF pada Isnin menyiasat aktiviti tular sekumpulan lelaki yang dikatakan menangkap ikan dengan cara yang salah dan mencurigakan.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, siasatan dijalankan termasuk mengenal pasti lokasi, tarikh kejadian dan individu terbabit.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perhilitan Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya akan mengambil tindakan sekiranya aktiviti itu berlaku di kawasan perlindungan Perhilitan.



Tangkap layar video tular di media sosial mengenai aktiviti menangkap ikan yang dikatakan mencurigakan.

## Peniaga jual ikan selayang 70 sen sekilogram

**GUA MUSANG** - Seorang peniaga di sini berkongsi rezeki dengan menjual ikan selayang pada harga 70 sen sekilogram.

Zuhairi Hashim, 35, berkata, tindakan tersebut bertujuan membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan untuk menyambut Ramadan.

"Sebanyak 6,000 kilogram ikan selayang disediakan untuk dijual kepada orang ramai.

"Pada hari biasa pun saya tetap berkongsi rezeki dengan menjual ikan selayang pada harga RM3 sekilogram iaitu lebih rendah berbanding harga pasaran," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurutnya yang berasal dari Semerak, Pasir Puteh itu, selain selayang terdapat lebih 20 jenis ikan lain yang turut dijual di kedainya dengan harga bawah RM10 untuk setiap sekilogram.

Ujarnya, ikan tersebut ialah tenggiri, selar, selar kuning, merah dan banyak lagi.

Zuhairi yang sudah 14 tahun menetap di Gua Musang memberitahu, jualan murah tersebut mendapat sambutan dalam kalangan penduduk setempat.

"Saya berharap lebih ramai peniaga akan turut sama berbuat demikian pada masa akan datang," katanya.



Zuhairi (kiri) melayan pelanggan yang datang ke kedainya yang terletak di bandar utama Gua Musang.

## PSI: Nelayan dakwa terpaksa cari hasil laut sehingga 20 kilometer



Kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak Projek PSI yang terletak di selatan Pulau Pinang. Gambar kecil: Ibrahim

**BAYAN LEPAS** - Nelayan di kawasan Teluk Tempoyak dan Permatang Damar Laut terpaksa menangkap ikan di kawasan yang lebih jauh berikutan kerja tapak bagi Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) di selatan pulau negeri itu telah bermula sejak September tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (PenMutiara), Ibrahim Che Ros berkata, nelayan di kedua-dua kawasan tersebut terpaksa ke Pulau Rimau dan Pulau Betong untuk mencari rezeki selepas tiada hasil laut di kawasan berhampiran.

"Kawasan yang biasa kami tangkap ikan dan hasil laut lain dipenuhi selut susulan kerja tapak projek yang dijalankan pihak pemaju.

"Sebab itu kami terpaksa keluar ke kawasan lebih jauh sehingga 20 kilometer untuk menangkap ikan.

"Apabila pergi jauh, maka kos pun akan bertambah kerana bot perlu keluar ke kawasan seperti Pulau Rimau, Pulau Betong dan kawasan Jambatan Kedua Pulau Pinang," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Tambah Ibrahim, pendapatan nelayan terlibat juga terjejas teruk.

"Nelayan tidak mampu lagi nak buat apa-apa, nak bantah pun tak boleh sebab Pelan Pengurusan Alam Sekitar projek Pulau Silikon telah memperoleh kelulusan rasmi daripada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 21 Julai tahun lalu," ujarnya.

Tambah Ibrahim, tidak berpuas hati dengan tawaran yang diberikan menjadi punca masih ada nelayan yang tidak mahu menerima sagu hati menerusi Skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP).

"Jika nak diikutkan, nelayan di Teluk Tempoyak antara yang paling terkesan dengan projek ini tetapi kami ditawarkan dengan pakej ex-gratia tahap dua.

"Jika kerajaan negeri masih dengan tawaran mereka, kami nelayan di Teluk Tempoyak tidak akan menandatangani tawaran yang diberikan itu," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

2030 PERAK SEJAHTERA

# Bermula secara 'saja-saja'

*Suami isteri usahakan lapan kolam besar menempatkan 16,000 ikan air tawar*

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Tanjung Malim

Bermula dengan hanya beberapa tong untuk mencuba nasib dalam bidang ternakan ikan tilapia merah ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) empat tahun lalu, kini pasangan suami isteri di Slim River, di sini mampu mengusahakan lapan kolam besar menempatkan 16,000 ikan air tawar itu.

Bekas pengusaha kafe siber, Mohd Khalilullah Che Mood, 46, dan isterinya, Zailiyah Adzri, 46, tidak menyangka minat yang bermula secara 'saja-saja' bagi mengisi masa terluang semasa PKP bertukar kepada kerjaya sepenuh masa sehingga wujudnya Rumah Ikan Muallim yang dibina di dalam kawasan kediaman mereka.

Berkongsi kisah di peringkat awal, Mohd Khalilullah berkata, dia yang langsung tiada latar belakang penternakan membeli benih ikan daripada kenalan bagi percubaan pertama di dalam tong drum tanpa sistem pengudaraan, akibatnya hampir semua ternakan ketika itu mati menyebabkan dia menanggung kerugian.

"Bermula detik itu, saya bersama isteri mengikuti kursus perikanan atas talian dianjurkan penternak berpengalaman dari serata negara.

"Sedikit demi sedikit kami bermula semula dengan modal hasil tabungan terdahulu bagi memulakan perniagaan.

"Hasil ikan itu kami jual secara runcit dan bekalkan kepada restoran berhampiran," katanya.

Bapa enam cahaya mata itu berkata, antara cabaran sepanjang empat tahun mengusahakan ternakan tilapia merah adalah kesukaran mendapatkan benih ikan yang bermutu selain kos makanan ternakan yang melambung tinggi.

"Saya bersyukur kerana Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sudi membekalkan 5,000 anak ikan tilapia di bawah program SPeKs (bantuan peralatan dan input penternakan) di samping khidmat sokongan akuakultur merangkumi khidmat nasihat, latihan sangkut, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel serta promosi.

"Ini amat membantu kelancaran operasi perniagaan kami kerana proses mendapatkan benih anak ikan yang ditempah di dalam negara atau diimport dari negara jiran memakan masa lama," katanya.

Beliau berterima kasih kepada DOF selaku peneraju flagship Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) melalui pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan idea Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Mohd Khalilullah berkata, pihak Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) turut membantu menyalurkan maklumat dan membantu mendapatkan pembiayaan berbentuk pinjaman daripada agensi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang membolehkan dia dan isteri membina 16 kolam baharu untuk penternakan 40,000 ikan keli.

Sementara itu, Zailiyah memaklumkan mereka menginovasikan hasil perikanan itu kepada produk sejuk beku dengan menawarkan ikan tilapia merah dan ikan keli segar berempah sebagai pendekatan meningkat lagi sumber pendapatan keluarga.

"Walaupun ada kos pembungkusan, kita ada kelebihan dari sudut lain antaranya mengurangkan kos makanan ternakan dan mengurangkan risiko kerugian akibat kematian.

"Ini kerana kita boleh terus sebaik ikan mencapai saiz matang, kita boleh terus proses ia kepada produk sejuk beku.

"Kami juga menggunapakai teknologi vakum dalam pembungkusan produk supaya rasa rempah tidak hilang dan sedia dinikmati mengikut citarasa pengguna," katanya.



MOHD Khalilullah dan Zailiyah mengusahakan lapan kolam yang menempatkan 16,000 ikan tilapia merah di Rumah Ikan Muallim, Tanjung Malim. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

> "Saya bersyukur DOF sudi bekal 5,000 anak ikan tilapia di bawah program SPeKs
> Mohd Khalilullah






MOHD Khalilullah dan Zailiyah menunjukkan produk sejuk beku berasaskan ikan tilapia merah dan ikan keli yang diternak sendiri di Rumah Ikan Muallim, Tanjung Malim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# El-Nino: 30 peratus buah harumanis gugur

**Oleh ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** El-Nino atau cuaca yang terlalu panas sehingga mencecah 38 darjah celsius di negeri ini sejak bulan lalu dijangka memberi kesan kepada hasil buah mempelam harumanis pada musim ini dengan 20 sehingga 30 peratus buah dijangka gugur.

Berikutan itu, hasil harumanis yang dijangka 2,000 tan metrik musim ini berpotensi susut berikutan masalah berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis negeri, Datuk Hashim Suboh berkata, cuaca panas melampau ketika ini menyebabkan banyak buah gugur dan tidak dapat dipasarkan.

Beliau berkata, pihaknya menerima banyak rungutan daripada pengusaha harumanis sekitar negeri ini berhubung perkembangan itu dengan anggaran 20 hingga 30 peratus buah didapati gugur dan tidak menjadi.

"Bagaimanapun kita menjangkakan kebanyakan buah yang terhasil pada musim ini adalah sangat berkualiti dan manis berikutan cuaca panas tersebut," katanya.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan pengeluaran mempelam harumanis musim ini dijadual bermula seawal minggu ketiga Mac depan, dijangka mencecah 2,000 tan metrik, sekali gus menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun lalu iaitu sekitar 1,243 tan metrik.



BUAH mempelam harumanis berpontensi gugur berikutan cuaca panas melampau dan masalah pengairan. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Sasaran tersebut berdasarkan potensi pengeluaran bunga pokok harumanis sebanyak 70 peratus ketika ini manakala 30 peratus pokok lagi sedang berpucuk.

Dalam pada itu, Hashim berkata, kebanyakan kebun harumanis sekitar negeri ini juga didapati berdepan masalah pengairan dan ia turut merencatkan pengeluaran hasil.

"Harumanis ini sebenarnya mempunyai dua senario iaitu jika cuaca hujan buah akan rosak dan sekiranya terlalu panas, ia akan gugur.

"Disebabkan itu, saya berharap kerajaan negeri dapat melihat masalah pengairan ini, mungkin mewujudkan telaga tiub di kebun-kebun terlibat khususnya sekitar kawasan Padang Besar yang kering," katanya.

Berdasarkan perkembangan semasa, Hashim berkata, pihaknya juga mendapat maklumat banyak kebun harumanis sekitar negeri ini dijual berikutan perubahan generasi.

Katanya, situasi tersebut berlaku mungkin disebabkan penjagaan pokok berkenaan yang amat rumit dan memerlukan pemerhatian rapi.

"Di Perlis terdapat sekitar 3,000 hektar kebun tanaman harumanis dan saya mendapat maklumat sekitar lima ke enam peratus kebun hendak dijual," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/3/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

Isu batal kuota pekerja asing

# Bekalan sayur bakal terjejas 40 peratus

Pengeluaran sayuran negara dijangka merosot sehingga 40 peratus mulai bulan depan kesan daripada krisis tenaga kerja apabila kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini. Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia bimbang harga sayur di pasaran melambung apabila bekalan berkurangan selepas hasil ladang tak dapat dikeluarkan seperti biasa berikutan kekurangan buruh.

*Oleh Mohamed Farid Noh* → *Nasional* 5

Eksklusif



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

Isu batal kuota pekerja asing

# Pengeluaran hasil sayur terjejas 40 peratus



Peniaga sayur-sayuran ketika tinjauan di pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. (Foto Raihana Mansor/BH)

## Bekalan tidak dapat dikeluar seperti biasa akibat kurang tenaga kerja

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pengeluaran hasil sayuran negara dijangka terjejas sehingga 40 peratus mulai bulan depan menyebabkan harganya di pasaran melambung susulan pengusaha tanaman menghadapi krisis tenaga kerja.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini untuk membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Katanya, senario itu akan menyebabkan harga sayuran di pasaran meningkat mendadak apabila bekalan sayuran berkurangan dengan hasil sayuran tidak dapat dikeluarkan seperti biasa akibat kekurangan tenaga kerja.

"Langkah kerajaan mengumumkan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini sebenarnya mempunyai kesan yang besar terhadap sektor pertanian, khususnya sayuran negara yang bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja asing.

"Ia berikutan rakyat tempatan tidak berminat bekerja di ladang-ladang sayur kerana ia dianggap kerja 3D (sukar, bahaya dan kotor), sekali gus menyebabkan kebergantungan sektor ini kepada pekerja asing.

"Isu tenaga kerja kritikal di ladang sayuran negara baharu sahaja pulih selepas teruk terkesan ketika penularan wabak COVID-19. Namun, kita jangkakan ia akan kembali buruk bermula pertengahan Ramadan ini apabila majoriti tenaga kerja warga asing akan pulang ke negara asal bagi menyambut Aidilfitri dan bercuti panjang, malah ada antaranya dijangka tidak kembali semula ke negara ini.

"Dengan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum akhir bulan ini berserta faktor pekerja asing pulang ke negara asal, kita jangkakan hasil pengeluaran sayuran negara akan merosot lebih 40 peratus dengan harganya juga bakal melambung di pasaran mulai bulan depan," katanya kepada *BH*, semalam.

### Tak lanjut proses verifikasi

Pada 10 Mac lalu, kerajaan dilaporkan tidak akan melanjutkan proses verifikasi pekerja asing kepada semua majikan yang mendaftar di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 sebelum 31 Mac ini.

Eksklusif

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata majikan yang memerlukan tenaga kerja asing diminta menyegerakan permohonan mereka selepas proses pengambilan pekerja terbabit sudah dipermudahkan.

Sebelum ini media melaporkan, Pengerusi Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Datuk William Ng berkata pihaknya tidak bersetuju dengan langkah kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

William berkata, keputusan itu tidak mengambil kira sifat dinamik landskap perniagaan negara ini.

Mengulas lanjut, itu, Ser Kwee berkata, majikan di sektor pertanian menghadapi situasi yang amat sukar susulan pengumuman pembatalan kuota pekerja itu menjelang akhir bulan ini.

Katanya, ia berikutan dalam waktu yang amat singkat, majikan perlu mencari pekerja dari negara sumber dan menguruskan pelbagai dokumen yang berkaitan.

Malah, katanya dalam tempoh singkat itu juga, majikan diwajibkan menyediakan pekerjaan, tempat tinggal, kemudahan dan ia memerlukan kos yang amat tinggi bagi menanggung segala perbelanjaan berkenaan.

"Majikan sektor pertanian yang telah mempunyai kelulusan kuota untuk menghadiri temu duga pengambilan pekerja juga perlu memuat naik Permit Akuan Penginapan Pekerja Akta 446 di Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS), dengan proses mendapatkan permit itu biasanya mengambil masa kira-kira sebulan.

"Tambahan pula penamatan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing pada akhir Mei depan akan memburukkan lagi isu tenaga kerja di ladang sayuran, berikutan pekerja asing sektor pertanian yang kembali ke negara asal akan berdepan masalah memasuki semula dan bekerja di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, Ser Kwee berharap kerajaan memberikan pengecualian kepada sektor pertanian membabitkan sayuran terhadap langkah pembatalan kuota pekerja asing.

"Ia bagi memastikan pengeluaran bekalan sayuran negara tidak terjejas, sekali gus tidak menyebabkan harga bahan mentah itu melambung di pasaran kerana bekalan yang tidak cukup, sehingga akhirnya meresahkan rakyat," katanya.

> Kita jangkakan hasil pengeluaran sayuran negara akan merosot lebih 40 peratus dengan harganya juga bakal melambung di pasaran mulai bulan depan



*Lim Ser Kwee,*
*Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia,*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/3/2024 | KOSMO | K2 | 30 |

# Sistem akuaponik bantu golongan pergerakan terbatas berkebun

Oleh GHAZALI ALIAS

KEADAAN kesihatan bapa yang terjejas menyebabkan pergerakannya turut terbatas hingga dia tidak dapat meneruskan minat berkebun di rumah.

Hal ini membuatkan anaknya, Muhammad Akma Rijal Azlan, tampil dengan idea sendiri untuk menghasilkan satu sistem pertanian akuaponik khusus buat golongan yang mempunyai batasan untuk bergerak.

Menurut pelajar jurusan Sains Komputer dan Multimedia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, idea tersebut yang dinamakan sebagai *Aquaponic Care System for Demobilise People with Augmented Reality* direalisasikan sempena projek tahun akhir pengajiannya.

"Dari kecil, ayah suka berkebun dan dia sering bercucuk tanam di sekitar rumah, namun setelah meningkat usia, kerana kesihatan yang tidak baik dan pergerakan terbatas, dia tidak lagi dapat meneruskan minatnya itu.

"Oleh kerana, saya sedang mencari idea untuk projek tahun akhir, keadaan itu memberi ilham untuk mencipta satu sistem bersama aplikasi bagi memberi peluang kepada golongan seperti ayah meneruskan minat dalam pertanian," katanya ketika ditemui *K2* di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tambahnya, projek sistem akuaponik tersebut dimulakan pada 27 Mac tahun lalu dengan melakukan penyelidikan serta berkolaborasi dengan pakar dari Pusat Rehabilitasi Perkeso Tun Abdul Razak, Melaka bagi mendapatkan input untuk memahami golongan dengan pergerakan terbatas.

Kongsinya lagi, *Aquaponic Care System for Demobilise People with Augmented Reality* ini terbahagi kepada dua perkara iaitu perkakasan pertanian dan aplikasi untuk membantu pengguna memantau tanaman mereka.

Menerusi perkakasan, sistem ini dibekalkan satu set akuaponik yang dilengkapi sensor dan direka khusus bagi memudahkan pengguna terutama yang menggunakan tongkat mahupun kerusi roda.

Sensor yang terdapat pada set akuaponik ini bertujuan memantau dan membekalkan info tanaman yang mana ia dihubungkan dengan aplikasi khas iaitu Aquability AR Hub.

"Set akuaponik ini direka dalam bentuk segi empat sama dengan panjang 26 sentimeter (sm) panjang dan 10sm lebar serta tinggi 50sm.

"Ia boleh diletakkan di dalam atau luar rumah dan pada masa sama menanam beberapa jenis pokok dengan kaedah akuaponik," ujarnya.



MUHAMMAD Akma (kiri) melakukan perbincangan dengan salah seorang pegawai Perkeso mengenai projeknya.



SISTEM ini dilengkapi dengan sensor yang direka khusus untuk memudahkan pengguna berpergerakan terbatas seperti bertongkat dan berkerusi roda untuk berkebun.




SISTEM akuaponik yang dihasilkan oleh Muhammad Akma terdiri daripada dua komponen iaitu perkakasan dan aplikasi.

Jelasnya, selepas set akuaponik dipasang, ia akan dihubungkan dengan aplikasi Aquability AR Hub yang mana pengguna akan mendapat notifikasi dan peringatan untuk menjaga tumbuhan mereka.

Kata anak ketiga daripada tujuh beradik itu lagi, aplikasi ini bukan sahaja memberi mereka maklumat tentang tanaman, tetapi juga memantau tanaman tersebut dengan menyediakan maklumat berkenaan kualiti tanah, kelembapan dan lain-lain keperluan tanaman.

Pada masa sama, ia juga dilengkapi dengan cadangan rutin dan latihan pemulihan yang mana merekodkan sejauh mana peningkatan pergerakan pengguna.

Sebagai contoh, jika pengguna terbatas pergerakan tangan, rutin latihan yang diberi kepada pengguna adalah sejauh mana dirinya dapat mencapai tanaman dan pergerakan ini akan dikesan menerusi sensor pada set akuaponik.

Muhammad Akma memberitahu, sistem akuaponik ini merupakan satu inovasi yang boleh membantu ramai golongan dengan pergerakan terbatas untuk kekal positif dan memberi harapan baharu kepada mereka.